

Polis berkas dua pengedar, rampas 90kg syabu bernilai RM6.3 juta

23 Januari 2018

Polis berkas dua pengedar, rampas 90kg syabu bernilai RM6.3 juta

PULAU PINANG 22 Jan. - Polis menumpaskan sindiket pengedaran dadah terbesar tahun ini menerusi rampasan syabu dianggarkan bernilai RM6.3 juta dalam serbuan di sebuah rumah di Kota Permai dekat Bukit Meritajam Jumaat lalu.

Dalam operasi selama lebih 11 jam bermula pukul 4 petang oleh sepasukan anggota daripada Ibu Pejabat Polis Bukit Aman dan Ibu pejabat Polis Kontinjen (IPK) negeri, polis menemukan sebanyak 86 ketulan mampat syabu seberat 90 kilogram.

Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik Bukit Aman, Datuk Seri Mohamad Salleh berkata, hasil serbuan itu pihaknya turut menahan seorang lelaki rakyat tempatan berusia 31 tahun di rumah berkenaan yang disewanya.

"Susulan tangkapan itu, polis kemudian memberkas seorang lelaki berusia 41 tahun di Pulau



Hasil serbuan itu pihaknya turut menahan seorang lelaki rakyat tempatan berusia 31 tahun di rumah berkenaan yang disewanya."

MOHMAD SALLEH
Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik Bukit Aman

Tikus, Georgetown yang dipercayai 'rakan kongsi' suspek pertama.

"Ujian air kencing mendapati mereka berdua positif *methamphetamine* dan salah seorang mempunyai rekod jenayah melarikan orang," katanya dalam sidang

akhbar di IPK negeri di sini hari ini.

Yang turut hadir, Ketua Bahagian Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik negeri, Asisten Komisioner Maidu Abu Bakar.

Tambahnya, polis percaya dadah tersebut dibawa masuk dari negara jiran dan sekiranya terlepas ke pasaran, ia dianggarkan boleh digunakan bagi lebih 400,000 penagih.

Beliau memberitahu, polis turut membekukan tiga akaun bank dengan nilai keseluruhan RM500,000 yang dipercayai hasil daripada aktiviti pengedaran dadah.

"Polis turut menyita dua buah kereta iaitu jenis Honda Accord dan Honda City serta wang tunai sebanyak RM3,150," ujarnya.

Kedua-dua suspek kini direman selama enam hari bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 39 B Akta Dadah Berbahaya 1952.



MOHMAD SALLEH (tengah) bersama pegawainya menunjukkan sebahagian daripada 86 ketulan syabu dianggarkan bernilai RM6.3 juta yang dirampas dalam sidang akhbar di Ibu pejabat Polis Kontinjen Pulau Pinang, semalam. - UTUSAN/AZMAN ASMAYATIM